

## **BANTUAN ANUGERAH PENDIDIKAN BAITULMAL**

### **OBJEKTIF**

Sebagai saluran bantuan kepada pelajar cemerlang yang ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian yang berimpak tinggi.

### **KEKERAPAN**

Bantuan diberi tertakluk kepada persetujuan surat perjanjian yang telah ditandatangani. Mana-mana pemohon yang telah ditawarkan dengan bantuan ini tidak layak dapat bantuan *one-off* yang telah disediakan oleh Tabung Baitulmal Sarawak.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN (BIDANG AGAMA DAN PERUBATAN)**

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Pelajar Islam Sarawak yang mengikut pengajian sepenuh masa di Pusat Pengajian Tinggi di Timur Tengah.
3. Mempunyai kelulusan seperti berikut :-
  - 3.1 Bagi bidang perubatan (khusus di Mesir sahaja), pemohon mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperolehi 8 Kepujian dengan mendapat sekurang-kurangnya B dalam Biologi, Fizik, Kimia, Matematik, Matematik Tambahan, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah.
  4. Bagi bidang agama, pemohon mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperolehi 5 kepujian dengan mendapat sekurang-kurangnya B dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Bahasa Arab dan mata pelajaranyang berkaitan dengan Pengajian Islam atau mempunyai Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Maqbul dengan syarat sijil STAM tidak melebihi 3 tahun termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum dari tarikh pendaftaran.
  5. Keutamaan adalah bagi ibubapa/penjaga yang berpendapatan dibawah Had Al-kifayah Miskin (Sila rujuk Bab 6 : Lampiran 2).
  6. Pemohon belum mendapat biasiswa/tajaan penuh dari mana-mana pihak.
  7. Pemohon yang sudah mempunyai biasiswa/tajaan penuh, maka bantuan akan dihentikan.
  8. Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan daripada majikan (separuh/lebih dari gaji sebulan).

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN (BIDANG BERIMPAK TINGGI)**

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Pelajar Islam Sarawak yang mengikut pengajian sepenuh masa di dalam negara dan di luar negara.
3. Mendapat Surat Tawaran di peringkat Sarjana dan ke atas untuk melanjutkan pelajaran bagi IPT yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
4. Tawaran pengajian selari dengan skop bidang dan pusat pengajian yang ditaja oleh Tabung Baitulmal Sarawak.

5. Keutamaan adalah bagi ibubapa/penjaga yang berpendapatan dibawah Had Al-Kifayah Miskin.
6. Pemohon belum mendapat biasiswa/tajaan penuh dari mana-mana pihak dan sekiranya sudah mempunyai biasiswa/tajaan penuh, maka bantuan akan dihentikan.
7. Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan daripada majikan (separuh/lebih dari gaji sebulan). Walau bagaimana pun, atas budi bicara Pengurusan Tabung Baitulmal Sarawak, bantuan ini turut dibuka kepada pekerja Islam yang hendak meningkatkan kepakaran mereka dalam bidang yang diperlukan di Sarawak.

#### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Dokumen asas.
2. Surat tawaran.
3. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) untuk bidang agama dan perubatan.
4. Bagi permohonan berulang hendaklah menyertakan Slip Keputusan peperiksaan terkini sebagai contoh Tahun kedua (Keputusan Semester 1 dan 2 atau 3).
5. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.